

jenazah Abu Sufyan juga menunjukkan beliau memang menetap di Madinah. Sebabnya ialah Madinah adalah darul khilafah (ibu negara Islam) umat Islam sampai ke akhir hayat 'Utsman. Di Madinah itulah Khalifah 'Utsman tinggal hingga beliau terbunuh. Soal memeluk agama Islam sehari sebelum pembukaan Mekah tidak menghalang seseorang daripada kewajipan berhijrah. Bapa saudara Nabi s.a.w. 'Abbaas juga diterima semua sebagai seorang muhajir dan beliau bersama keluarga kemudiannya menetap di Madinah. Padahal beliau memeluk agama Islam dahulu sedikit sebelum Abu Sufyan, juga ketika Baginda s.a.w. dalam perjalanan menuju ke Mekah untuk mena'luknya. 'Abbaas juga kemudiannya meninggal dunia di Madinah dan jenazah beliau dikebumikan di Baqi'. Dua orang kawan Abu Sufyan, Budail bin Warqaa' dan Hakim bin Hizaam yang turut ditangkap oleh pasukan pengawal Rasulullah dalam peristiwa sama juga diterima sebagai muhajir. Mereka berdua juga dibenarkan menetap di Madinah. Budail meninggal dunia sebelum Rasulullah s.a.w. Antara bukti Budail menetap di Madinah ialah beliau sempat ikut serta dalam perang Tabuk pada tahun ke sembilan hijrah. Hakim bin Hizaam juga meninggal dunia di Madinah di zaman pemerintahan Saiyyidina Mu'aawiah ketika berumur 120 tahun. Semua ini menunjukkan beliau juga telah dianggap sebagai muhajir dan dibenarkan menetap di Madinah. Kalau orang-orang yang memeluk agama Islam bersama-sama Abu Sufyan boleh diterima sebagai muhajir, kenapa Abu Sufyan tidak boleh? Kalau mereka telah diterima menetap di Madinah, kenapa Abu Sufyan pula tidak boleh?

Peristiwa-peristiwa tersebut juga membatalkan da'waan bahawa keluarga Abu Sufyan termasuk dalam golongan Mu'allaf kerana golongan tersebut diberikan layanan istimewa oleh Nabi s.a.w. terutamanya berupa bantuan kewangan. Di samping itu, tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa mereka mendapat pengecualian khusus daripada Baginda untuk berbuat demikian. Kerana menurut fakta sejarah hanya seorang sahaja yang mendapat perkenan Baginda untuk berbuat demikian iaitu Shafwan bin Umaiyyah. Beliau telah mendapat kelonggaran daripada Nabi s.a.w. atas permintaan bapa saudara Baginda 'Abbaas agar membenarkannya tinggal di Madinah, walaupun beliau memeluk agama Islam selepas pembukaan Mekah. Maka benarlah kata Maulana Saiyyid 'Ali Ahmad 'Abbaasi, seorang pakar sejarah awal Islam dari Pakistan di dalam bukunya *حضرۃ معاویہ کی سیاسی زندگی* (Kehidupan politik Saiyyidina Mu'aawiah) bahawa sepertimana Saiyyidina Mu'aawiah, ayah dan ibunya juga telah berhijrah ke Madinah dengan meninggalkan segala harta benda mereka di Mekah. Itulah sebabnya mereka hidup dalam kemelaratan di Madinah, ketika mana kehidupan orang-orang lain sedikit sebanyak telah berubah menjadi senang. Hijrah di sa'at-sa'at terlalu lewat itu hanya memberi peluang kepada Abu Sufyan untuk menebus kesilapannya yang lalu dan untuk memulakan hidup baharu sebagai pejuang Islam seperti sahabat-sahabat yang lain. Semua ini menunjukkan keikhlasan Abu Sufyan dan keluarganya dalam berhijrah demi menjunjung perintah Allah s.w.t.

Di dalam buku-buku sirah dan sejarah anda akan temui satu kisah di mana dikatakan Abu Sufyan pernah datang ke Madinah sebelum pembukaan Mekah ketika beliau masih kafir. Tujuannya ialah untuk memperbaharui perjanjian damai dan melanjutkan lagi tempohnya. Dalam kesempatan itu beliau mampir di rumah anaknya Ummu Habibah yang telah pun menjadi isteri Rasulullah s.a.w. Abu Sufyan hampir hendak duduk di atas sehelai hamparan yang terdapat di dalam rumah anaknya Ummu Habibah, tetapi Ummu Habibah dengan segera melipatnya. Abu Sufyan betul-betul naik marah dengan perbuatan anaknya itu. Ummu Habibah lantas berkata: "Ini adalah hamparan Rasulullah s.a.w. Ayah seorang yang kotor dan musyrik." Mendengar kata-kata Ummu

Habibah itu berkatalah Abu Sufyan: “Teruk betul jadinya engkau selepas meninggalkan daku.” Kisah ini berpunca dari kitab at-Thabaqaat al-Kubra Ibnu Sa’ad. Ia dinukilkan juga oleh tokoh hadits seperti Hafiz Ibnu Hajar di dalam al-Ishaabah dan dijadikan sandaran serta pegangan oleh tokoh sehebat Qadhi `Iyadh, seperti akan anda lihat di dalam nukilan an-Nawawi di dalam Syarah Muslimnya, ketika membincangkan hadits Abu Zmail daripada Ibnu `Abbaas nanti. Hampir-hampir tidak ada buku sirah dan sejarah yang tidak memuat kisah ini di celah-celah lipatannya. Macam-macam pulalah pengajaran, kesimpulan dan panduan telah diambil dari riwayat ini oleh masing-masing pengarang buku sirah atau sejarah. Padahal ia hanya riwayat seorang pendusta besar yang cukup terkenal, al-Waaqidi. Selain itu ia juga hanya satu riwayat mursal Zuhri. Nah! Lihatlah teks asal riwayat itu bersama sanadnya:

أخبرنا محمد بن عمر حدثنا محمد بن عبد الله عن الزهري قال لما قدم أبو سفيان بن حرب المدينة جاء إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو يريد غزو مكة فكلّمه أن يزيد في هدنة الحديبية فلم يقبل عليه رسول الله فقام فدخل على ابنته فلما ذهب ليجلس على فراش النبي صلى الله عليه وسلم طوته دونه فقال يا بنية أرغبت بهذا الفراش عني أم بي عنه فقالت بل هو فراش رسول الله وأنت امرؤ نجس مشرك فقال يا بنية لقد أصابك بعدي شر Bermaksud: Kata Zuhri: “Bila Abu Sufyan bin Harb datang ke Madinah, dia pergi menemui Rasulullah s.a.w. yang sudah hendak menyerang Mekah. Dia bercakap dengan Rasulullah s.a.w. tentang (melanjutkan lagi) perjanjian damai Hudaibiah. Rasulullah s.a.w. tidak menerima cadangannya itu. Maka bangkitlah Abu Sufyan dari sisi Nabi s.a.w. lalu masuk ke rumah anaknya perempuannya (Ummu Habibah). Bila dia hendak duduk di atas hamparan (tempat duduk) Nabi s.a.w., terus Ummu Habibah melipatnya. Kata Abu Sufyan: “Wahai anakku! Apakah engkau tidak suka hamparan ini untukku atau engkau tidak suka aku duduk di atasnya?” Jawab Ummu Habibah: “Ia adalah hamparan Rasulullah s.a.w. Sedangkan ayah pula seorang najis, musyrik.” Pada ketika itu berkatalah Abu Sufyan: “Teruk betul jadinya engkau selepas meninggalkan daku.” Muhammad bin `Umar yang tersebut di dalam sanad riwayat ini adalah nama sebenar al-Waaqidi, pendusta besar itu!!

Sesetengah pihak menda'wa, bukan riwayat-riwayat sejarah seperti itu dijadikan pegangan oleh sebilangan besar `ulama' yang berpendapat Abu Sufyan baru memeluk Islam pada hari pembukaan Mekah, tetapi mereka sebenarnya berpegang dengan hadits yang sahih juga. Hadits itu telah diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam *Sahihnya* di bawah باب من فضائل أبي سفيان بن حرب رضي الله عنه. Lihat teksnya bersama-sama dengan isnad dan terjemahannya: حَدَّثَنِي عَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْعَظِيمِ الْعَنْبَرِيُّ وَأَحْمَدُ بْنُ جَعْفَرٍ الْمُعَقَرِيُّ قَالَا حَدَّثَنَا النَّضْرُ وَهُوَ ابْنُ مُحَمَّدٍ الْيَمَامِيُّ حَدَّثَنَا عِكْرَمَةُ حَدَّثَنَا أَبُو زَيْمٍ حَدَّثَنَا ابْنُ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ الْمُسْلِمُونَ لَا يَنْظُرُونَ إِلَى أَبِي سَفْيَانَ وَلَا يَقَاعِدُونَهُ فَقَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ ثَلَاثَ أُعْطِينِيهِمْ قَالَ نَعَمْ قَالَ عِنْدِي أَحْسَنُ الْعَرَبِ وَأَجْمَلُهُ أُمُّ حَبِيبَةَ بِنْتُ أَبِي سَفْيَانَ أَرَوْجُكَهَا قَالَ نَعَمْ قَالَ وَمُعَاوِيَةُ تَجْعَلُهُ كَاتِبًا بَيْنَ يَدَيْكَ قَالَ نَعَمْ قَالَ وَتُؤَمِّرُنِي حَتَّى أَقَاتِلَ الْكُفَّارَ كَمَا كُنْتُ أَقَاتِلُ الْمُسْلِمِينَ قَالَ نَعَمْ قَالَ أَبُو زَيْمٍ وَلَوْ لَا أَنَّهُ طَلَبَ ذَلِكَ مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا أُعْطَاهُ ذَلِكَ لِأَنَّهُ لَمْ يَكُنْ يُسْأَلُ شَيْئًا إِلَّا قَالَ نَعَمْ Bermaksud: “Kata Ibnu `Abbaas: “Dahulu orang-orang Islam tidak memandang kepada Abi Sufyan dan mereka tidak mahu duduk bersama-samanya. Kerananya Abu Sufyan memohon kepada Nabi s.a.w., katanya: “Wahai Nabi Allah, berilah tiga perkara kepadaku.” Jawab Nabi s.a.w. “Ya (tapi apa permintaanmu itu?)” Kata Abu Sufyan: “Saya mempunyai wanita `Arab yang paling jelita dan cantik, iaitu Ummu Habibah. Saya hendak mengahwinkannya denganmu.” Jawab Nabi s.a.w.: “Boleh.” Kata Abu Sufyan lagi: “Jadikanlah Mu`aawiyah (anakku) sebagai penulismu.” Jawab Nabi s.a.w.: “Boleh.” Abu Sufyan terus meminta dengan berkata: “Jadikanlah saya sebagai amir (panglima perang) agar dapat saya berperang dengan orang-orang kafir sepertimana saya telah memerangi orang-orang Islam sebelum ini. Jawab Nabi s.a.w.: “Boleh.” Kata Abu Zmail (perawi): “Kalau tidak kerana Abu

Sufyan meminta dengan Nabi s.a.w. semua yang tersebut itu, niscaya ia tidak diberi Baginda s.a.w. kepadanya. Semua permintaan Abu Sufyan (pada kali ini) diterima oleh Nabi s.a.w.”

Pada pendapat penulis, hadits ini tidak jelas menunjukkan apa yang dida'wa. Oleh itu ia tidak layak dijadikan sebagai dalil dan bukti. Jika kronologi hadits ini dicermati, tarikh terjadinya peristiwa Abu Sufyan meminta nabi supaya mengahwini anaknya Ummu Habibah cukup menimbulkan keraguan. Sebabnya ialah jika anda mengatakan ia berlaku selepas pembukaan Makkah sebagaimana yang mahu ditsabitkan melalui hadits Muslim di atas, maka apa gunanya Abu Sufyan meminta Baginda mengahwini Ummu Habibah, kerana Baginda sememangnya telahpun mengahwini anaknya itu pada tahun yang ke enam Hijrah lagi, iaitu pada ketika Ummu Habibah berada di Habsyah. Jadi sudah tentulah peristiwa ini berlaku di antara tahun ke enam atau ke tujuh Hijrah. Dan jika Nabi s.a.w. menerima syarat beliau untuk menjadi amir (panglima), tentulah beliau sudah memeluk agama Islam pada ketika itu, kerana Nabi s.a.w. tentunya tidak akan melantik orang kafir untuk memimpin tentera Islam. Soalnya kalaulah Abu Sufyan telah memeluk agama Islam sebelum pembukaan Mekah, kenapa beliau tidak mengahwinkan sendiri anaknya itu dengan Nabi s.a.w.? Tidak tersebut di dalam mana-mana riwayat pun Abu Sufyan sendiri yang telah mengahwinkan anaknya Ummu Habibah dengan Nabi s.a.w.! Apa yang pasti ialah hadits yang cuba dijadikan dalil untuk membuktikan Abu Sufyan belum memeluk Islam sebelum berlakunya pembukaan Mekah saling bercanggah faktanya di antara satu dengan yang lain.

Maulana Habibur Rahman, seorang pakar ekskavasi sejarah para sahabat dari Pakistan banyak sekali membongkar kekeliruan-kekeliruan yang terdapat di dalam sejarah akibat daripada penyelewengan terancang musuh-musuh para sahabat. Beliau telah mengupas kekeliruan dan percanggahan yang tersembunyi di sebalik apa yang terdapat di dalam hadits Muslim tersebut. Maulana Habibur Rahman telah mempertikaikan kesahihan beberapa perkara yang terdapat di dalamnya dari sudut dirayah. Antara lainnya ialah: (a) Tawaran Abu Sufyan menggunakan lafaz; “Saya mempunyai seorang wanita Arab yang yang paling jelita dan cantik” boleh dipertikai. Kerana sepatutnya beliau terus mengatakan: “Saya mempunyai anak perempuan yang paling jelita dan cantik”. Bukan dengan menggunakan perkataan yang menunjukkan seolah-olah wanita tersebut adalah seorang hamba sahaya miliknya. (b) Tawaran Abu Sufyan untuk mengahwinkan anaknya Ummu Habibah yang sudah berstatus janda di waktu itu dengan Nabi s.a.w. adalah berlawanan dengan resam masyarakat semasa. Kerana seseorang bapa hanya berhak menentukan perkahwinan anaknya yang masih dara sahaja. (c) Sekiranya peristiwa tersebut berlaku semasa atau selepas pembukaan Makkah, Ummu Habibah pada ketika itu sudahpun berhijrah ke Madinah. Jadi tidak ada gunanya lagi beliau menawarkan anaknya yang kononnya masih berada di dalam ‘milik’nya itu. (d) Nabi s.a.w. tidak pernah melantik seseorang yang memohon sesuatu jawatan. Baginda telah bersumpah tidak akan melakukan demikian berdasarkan hadits: *إِنَّا وَاللَّهِ لَا نُوَلِّي عَلَى هَذَا الْعَمَلِ أَحَدًا سَأَلَهُ وَلَا أَحَدًا حَرَصَ عَلَيْهِ* Bermaksud: “Demi Allah kami tidak akan menyerahkan jawatan ini kepada orang yang meminta atau yang terlalu berminat dengannya.” Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa’i, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). Perlantikan Abu Sufyan sebagai gabenor di Najran adalah kerana kelayakan yang terbukti ada padanya serta keluarganya termasuk kekanda kepada Saiyyidina Mu’awiah iaitu Yazid. Sejarah juga membuktikan bahawa perkhidmatan beliau di kawasan yang majoriti penduduknya beragama Kristian itu dikekalkan

sehingga beliau meninggal dunia. Demikian juga kalau Nabi s.a.w. melantik beliau sebagai panglima tentera Islam, tentulah kerana kelayakan beliau semata-mata.

Imam an-Nawawi yang menyenaraikan hadits ini di antara beberapa buah hadits riwayat Imam Muslim yang dipertikaikan oleh 'ulama', turut sama mempertikaikan kesahihan hadits ini dengan mengatakan bahawa pada ketika itu Baginda sudahpun mengahwini Ummu Habibah, iaitu sejak tahun ke enam hijrah lagi. Ahli sejarah, Abu 'Ubaidah, Khalifah bin Khayyath, Ibnu 'Abdi al-Barr dan jumhur 'ulama' juga telah mengesahkan bahawa mereka telah berkahwin pada tahun yang ke enam. Ada juga yang berpendapat perkahwinan mereka berlangsung pada tahun yang ke tujuh. Walau bagaimanapun Imam Nawawi mendha'ifkannya. Dengan memetik kata-kata Qadhi 'Iyadh, Imam Nawawi mengemukakan beberapa pendapat tentang juru nikah yang melangsungkan perkahwinan tersebut. Ada yang menamakan Saiyyidina 'Utsman sebagai juru nikahnya, ada yang mengatakan Khalid bin Sa'id bin al-'Aash dan ada pula yang mengatakan Najasyi (raja negara Habasyah pada masa itu). Menurut Qadhi 'Iyadh lagi, peristiwa ini terlalu *Gharib* kerana terdapat satu cerita yang mengatakan bahawa Abu Sufyan pernah suatu ketika mengunjungi Ummu Habibah di Madinah ketika beliau belum memeluk Islam lagi. Ketika beliau ingin melabuhkan punggungnya di tempat duduk Nabi s.a.w., Ummu Habibah telah menghalangnya. Imam Nawawi menambah lagi, Ibnu Hazam mengatakan bahawa terdapat *waham* pada perawi hadits ini kerana tidak ada sebarang perselisihan pendapat tentang tarikh Baginda mengahwini Ummu Habibah iaitu pada tahun ke enam Hijrah, dan pada masa itu Abu Sufyan belum memeluk Islam lagi. Malah Ibnu Hazam telah menghukum hadits ini sebagai *Maudhu'*. Dan beliau meletakkan 'llat atau penyebab kepada dha'ifnya di atas bahu 'Ikrimah bin 'Ammar. Namun Ibnu as-Shalah cuba menjawab komen-komen yang dibuat terhadap hadits riwayat Muslim ini dengan mengatakan bahawa Ibnu Hazam telah terkeliru dalam menghukum hadits ini. Kerana menurutnya pertembungan di antara tarikh perkahwinan dan tawaran tersebut boleh dipadankan tanpa sebarang percanggahan. Tawaran Abu Sufyan boleh diandaikan sebagai *Tajdid* atau perkahwinan semula di antara mereka. Boleh jadi Abu Sufyan hanya ingin mengadakan semula majlis yang tidak sempat direstuinya dahulu!

Tindakan Ibnu as-Shalah yang tidak berani menyisihkan riwayat Imam Muslim ini telah dikritik oleh Imam Nawawi, apabila beliau mengatakan bahawa tidak terdapat sebarang buktipun yang menunjukkan bahawa Abu Sufyan ingin melangsungkan semula perkahwinan di antara nabi dan anaknya Ummu Habibah, atau Nabi s.a.w. sendiri mengulanginya semula. Biar apa pun, tindakan Ibnu as-Shalah tersebut tetap menunjukkan bahawa ada sesuatu yang 'tak kena' pada hadits tersebut. Imam Nawawi bahkan senada dengan Ibnu Katsir dalam menghukum hadits tersebut sebagai *Munkar*, meskipun beliau tidak setegas Ibnu Hazam yang dengan tidak teragak-agak menghukum hadits berkenaan sebagai palsu (*maudhu'*). Imam Nawawi juga tidak memberikan sebarang komentarnya terhadap 'Ikrimah bin 'Ammar yang dianggap sebagai punca kepalsuannya oleh Ibnu Hazam.

Menurut Maulana Habibur Rahman, hadits yang 'bermasalah' ini boleh diibaratkan sebagai orang yang herot hidungnya. Semua orang mengakui memang hidung orang itu herot, tetapi punca yang menyebabkannya herot dan bila pula ia berlaku tidak diketahui dengan jelas oleh mereka. Menurut beliau lagi, di antara sekian ramai murid Ibnu 'Abbaas, tidak ada seorangpun yang

meriwayatkan hadits ini. Kalau adapun hanya oleh seorang yang bernama Simak bin al-Walid yang terkenal dengan nama panggilannya Abu Zumail. Murid-murid Ibnu 'Abbaas yang masyhur seperti Mujahid, 'Athaa', kuraib, Thawus, 'Ikrimah (hamba bebasan Ibnu 'Abbaas) dan lain-lain tidak ada meriwayatkannya. Orang yang meriwayatkan hadits ini daripada Abu Zumail hanya 'Ikrimah bin 'Ammaar. Dan seterusnya orang yang meriwayatkan daripada 'Ikrimah bin 'Ammaar pula hanyalah seorang yang bernama Nadhr bin Muhammad al-Yamaami. Ketiga-tiga mereka ini, Abu Zumail, 'Ikrimah bin 'Ammaar dan juga Nadhr bin Muhammad adalah penduduk Yamamah. Maulana Habibur Rahman menimbulkan tanda tanya, kenapakah cerita daripada perawi seagung Ibnu 'Abbaas itu hanya berkisar di kalangan segelintir penduduk Yamamah sahaja. Seolah-olah ia suatu rahsia yang dibisikkan ke telinga orang-orang Yamaamah sahaja. Penduduk-penduduk tempat lain yang pernah dikunjungi Ibnu 'Abbaas atau mereka yang pernah mengunjungi Ibnu 'Abbaas, semuanya tidak bernasib baik kerana tidak mengetahui rahsia itu. Secara kebetulan riwayat yang belum pernah tersebar di mana-mana sebelum itu telah sampai kepada dua orang guru Imam Muslim yang berada di Iraq. Mereka berdua adalah yang membocorkan rahsia itu kepada Imam Muslim!! Kalaulah riwayat ini ada nilainya, tentulah ia telah menjadi masyhur seperti masyhurnya kisah Ummu Habibah berkahwin dengan Rasulullah s.a.w. ketika beliau berada di Habsyah. Selama kira-kira 250 tahun ia diwarisi secara rahsia oleh penduduk Yamaamah. Apakah pula logiknya peristiwa tersebut tersembunyi daripada pengetahuan umum selama 250 tahun? Dalam masa itu ia bagaikan sesuatu yang mati. Barulah ia kelihatan hidup apabila Imam Muslim memberi ruang untuknya di dalam Kitab Sahihnya. Dan kerananya Kitab Sahih Muslim telah menjadi sasaran kritikan. Sekarang lihatlah pula latar belakang perawinya yang dipertikaikan, iaitu 'Ikrimah bin 'Ammaar. Berikut dikemukakan beberapa pandangan 'ulama' tentangnya: (1) Sebelum ini telah pun dikemukakan pandangan Ibnu Hazam tentangnya. Ibnu Hazam meletakkan punca kepalsuan hadits ini di atas pundaknya. (2) Abu Hatim berpendapat, walaupun 'Ikrimah seorang yang benar, namun dia banyak terkeliru (waham) dan banyak tersalah. Dalam sesetengah riwayat pula dia tidak menyebutkan perawi. Ertinya dia juga suka melakukan tadlis. (3) Imam Ahmad dan Yahya bin Sa'id al-Qatthaan mengatakan, kesemua hadits yang diriwayatkannya daripada Yahya bin Abi Katsir adalah Dha'if. (4) Ahmad bin Hambal turut mendha'ifkan 'Ikrimah dalam kesemua riwayatnya, kecuali riwayatnya daripada Iyaas bin Salamah sahaja. Kerana riwayatnya daripada Iyaas adalah salih (boleh diterima). (5) Haakim berpendapat, Imam Muslim hanya mengemukakan beberapa hadits 'Ikrimah sebagai *Syahid* semata-mata, bukan sebagai hadits terasnya. (6) Imam Bukhari berkata, riwayat-riwayat yang ada pada 'Ikrimah tidak tercatat. Semua riwayatnya daripada Yahya bin Abi Katsir adalah *Muttharib*. (7) Imam az-Zahabi di dalam kitabnya *Mizan al-I'tidal* telah menukulkan pendapat Ibnu 'Adi yang mengkritik tindakan Imam Muslim kerana memasukkan hadits yang jelas *Munkarnya* ini berserta tiga buah hadits *Munkar* yang lain ke dalam *Sahihnya*.

Demikianlah sedikit sorotan oleh Maulana Habibur Rahman terhadap hadits Muslim tadi. Mengambil kira hadits-hadits seperti inilah Imam Ibnu Taimiyah pernah berkata: قد نظر أئمة هذا الفن في كتابيهما ووافقوهما على تصحيح ما صححاه إلا مواضع يسيرة نحو عشرين حديثا غالبيتها في مسلم انتقدها عليهما طائفة من الحفاظ و هذه المواد المنتقدة غالبيتها في مسلم وقد انتصر طائفة لهما فيها وطائفة قررت قول المنتقدة والصحيح التفصيل فإن فيها مواضع منتقدة بلا ريب مثل حديث أم حبيبة و حديث خلق الله البرية يوم السبت و حديث صلاة الكسوف بثلاث ركعات وأكثر Bermaksud: Imam-imam hadits telah memerhatikan Kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Mereka bersetuju mentashihkan apa-apa yang ditashihkan oleh mereka berdua. Kecuali kira-kira

dua puluh hadits yang kebanyakannya adalah terdapat di dalam Sahih Muslim. Hadits-hadits itu telah dikritik oleh sekumpulan huffaz (hadits). Hadits-hadits yang dikritik itu kebanyakannya di dalam (Sahih) Muslim. Sesetengah 'ulama' mempertahankan apa yang dikemukakan oleh Bukhari dan Muslim. Sementara yang lain pula membenarkan pihak pengkritik. Yang betulnya ialah dalam masalah ini ada perincian. Tidak dapat diragui bahawa memang ada beberapa hadits (layak) dikritik seperti hadits Ummu Habibah, hadits Allah menjadikan makhluk pada hari Sabtu dan hadits sembahyang gerhana matahari dengan tiga ruku' ke atas (dan lain-lain). (Lihat Minhaaju as-Sunnah an-Nabawiyah j.7 m/s 154-155).

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan bahawa motif sebenar di sebalik cerita ini adalah untuk merendahkan martabat keluarga Abu Sufyan terutamanya Saiyyidina Mu'awiyah r.a. Kerana perlantikan beliau sebagai penulis wahyu hanyalah atas permintaan bapanya yang tidak mahu ditolak oleh Nabi s.a.w. Ummu Habibah juga dikahwini Nabi s.a.w. semata-mata atas permintaan bapanya Abu Sufyan. Jika Abu Sufyan tidak meminta dengan bersungguh-sungguh seperti tersebut di dalam hadits Muslim di atas, tentulah Ummu Habibah tidak menjadi isteri Baginda. Riwayat tersebut jika diterima juga, niscaya tidak tersenarailah seorangpun dari keluarga Abu Sufyan sebagai golongan Muhajirin yang ditempatkan di suatu martabat istimewa dalam Islam. Padahal jika diandaikan mereka memeluk agama Islam selepas pembukaan Makkah sekalipun, bukankah mereka tetap mempunyai keistimewaan di sisi Allah berdasarkan jaminan yang diberikan Allah s.w.t. di dalam ayat berikut ini?

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا يَسْتَوِي مَنكُم مَّنْ أَنْفَقَ مِنْ قَبْلِ الْفَتْحِ وَقَتْلَ أَوْلِيَّكَ أَعْظَمَ دَرَجَةً
مَّنَ الَّذِينَ أَنْفَقُوا مِنْ بَعْدُ وَقَتْلُوا وَكَلَّا وَعَدَ اللَّهُ الْحَسَنَى وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Bermaksud: Dan mengapa kamu tidak membelanjakan harta bendamu pada jalan Allah? Padahal Allah jualah yang mewarisi (mempunyai) langit dan bumi (serta segala isinya). Tidaklah sama di antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya dan berperang sebelum penaklukan (Mekah). Mereka itu lebih besar darjatnya daripada orang-orang yang membelanjakan hartanya. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang sebaik-baiknya (syurga). Dan (ingatlah), Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan. (al-Hadid:10).

Namun oleh kerana kesumat yang bersarang di dalam hati-hati musuh-musuh Islam itu tidak dapat ditenangkan melainkan dengan merendah-rendahkan martabat keluarga sahabat tertentu, mereka tetap akan berusaha melakukan apa sahaja, walaupun hasil yang diperolehi tidaklah sebesar mana. Kerana bagi mereka, walaupun di penghujung ayat di atas kedua-dua golongan tersebut dijanjikan syurga, tetapi di pangkalnya Allah tetap mengatakan bahawa status kedua golongan tersebut tidak sama. Tindakan mereka tersebut tepat sekali dengan peribahasa Melayu ini: 'Tak dapat tanduk, telinga dipulas'.

bahawa Hiraqlu (Hercules)⁶⁷ mengutuskan orang untuk menjemput beliau bersama rombongan pedagang Quraisy yang berada di Syam.⁶⁸ Peristiwa ini berlaku pada masa Rasulullah s.a.w. mengadakan perjanjian damai dengan Abu Sufyan dan orang-orang kafir Quraisy.⁶⁹ Mereka pun pergi mengadap Hiraqlu yang sedang berada di Iliya' bersama pembesar-pembesarnya.⁷⁰ Hiraqlu menjemput mereka ke majlisnya. Pada ketika

⁶⁷ Nama maharaja Rom yang hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w. Dialah yang berperang dengan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dalam peperangan Mu'tah dan Tabuk. Beliau sempat memerintah selama 31 tahun. Rasulullah s.a.w. wafat ketika Hiraqlu masih lagi memerintah. Qaishar adalah gelaran maharaja Rom. Sebagaimana gelaran maharaja Farsi dipanggil Kisra, maharaja Habasyah dipanggil Najasyi, maharaja Turki dipanggil Khaqan, maharaja Qibti dipanggil Fir'aun, maharaja Mesir dipanggil 'Aziz dan maharaja Himyar pada ketika itu dipanggil Tubba', maka maharaja Rom dipanggil Qaishar. Oleh kerana hadits ini mengandungi kisah Hiraqlu, ia lebih dikenali dengan nama hadits Hiraqlu. Imam Bukhari mengemukakan hadits Hiraqlu ini pada 13 tempat. Pada tiga tempat daripadanya dikemukakannya secara terperinci, manakala pada sepuluh tempat lagi dikemukakan secara ringkas sahaja. Salah satu haditsnya yang terperinci itu ialah yang sedang anda hadapi sekarang.

⁶⁸ Pada ketika itu Abu Sufyan sering berulang alik mengepalai rombongan pedagang Quraisy dari kota Mekah ke Syam yang merupakan jajahan ta'lukan Rom. Wilayah Syam yang dijajah Rom pada masa itu tidak terhad setakat Syria sahaja, malah jajahannya merangkumi Jordan, Palestin, Lubnan dan Israil pada hari ini. Mesir juga pada ketika itu berada di bawah jajahan Rom.

⁶⁹ Perjanjian damai yang dimaksudkan ialah Perjanjian Hudaibiah yang dimeterai pada tahun keenam Hijrah di antara orang-orang Islam dan orang-orang kafir Quraisy. Antara resolusi perjanjian tersebut ialah: (1) Kedua-dua belah pihak harus mematuhi ketetapan isi perjanjian yang digariskan. (2) Gencatan senjata dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. (3) Tempoh gencatan senjata adalah selama sepuluh tahun menurut sesetengah sumber, termasuk riwayat Abu Daud yang dikemukakan oleh Ibnu 'Umar r.a. dan riwayat Ibnu Ishaq. Namun sesetengah riwayat yang lain pula mencatat tempoh tersebut hanya sekitar empat tahun sahaja. Riwayat yang sahih ini juga tercatat di dalam *Mustadrak Hakim*. Perjanjian damai yang dimeterai itu ternyata memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak. Orang-orang kafir Quraisy misalnya dapat menjalankan perniagaan mereka tanpa bimbang akan menghadapi gangguan daripada orang-orang Islam yang kebetulannya berada di tengah laluan dagang mereka. Manakala Nabi s.a.w. pula dapat mengambil peluang dalam tempoh itu untuk menumpukan perhatian kepada gerakan da'wah baginda, dengan mengutus surat-surat kepada raja-raja di sekeliling tanah Arab dan sebagainya. Pada kesempatan itulah Rasulullah s.a.w. mengutus surat kepada Hiraqlu. Dalam tempoh perjanjian itu juga Abu Sufyan dapat menguruskan perniagaan yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi penduduk Mekah dengan lancar, tenang dan selesa.

⁷⁰ Mereka terdiri daripada menteri, pegawai-pegawai kanan dan paderi. Dalam tempoh perjanjian damai itulah juga Hiraqlu menerima warqah daripada Rasulullah s.a.w. yang menyerunya memeluk agama Islam. Warqah tersebut di bawakan oleh utusan khas Baginda yang disandang